

Perkembangan Kajian Tafsir Mawdu'i di Malaysia (1990-2016)

[Development of Tafsir Mawdu'i Studies in Malaysia (1990-2016)]

BITARA

Volume 3, Issue 1, 2020: 072-090
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

Naimah Ruzi¹ & Mazlan Ibrahim¹

Abstrak

Tafsir mawdu'i atau tafsir tematik merupakan salah satu jenis tafsir yang terdapat dalam ilmu Al-Quran. Tafsir ini muncul dalam bentuk disiplin ilmu agak lewat berbanding penulisan ilmu jenis tafsir tahlili. Perkara ini berlaku kerana keperluan kepada penafsiran al-Quran berbentuk tematik dalam menyelesaikan isu-isu semasa yang sedang berlaku di dalam masyarakat. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji perkembangan penulisan tafsir mawdu'i di Malaysia. Oleh itu, kajian ini mempunyai dua bahagian penting. Pertama, perbincangan tentang tema pilihan dalam bidang tafsir mawdu'i sejak kemunculannya sehingga tahun 2016 di Malaysia. Kedua, makalah ini akan membentangkan bilangan kajian tafsir mawdu'i mengikut tahun sepanjang tiga dekad sehingga kini. Analisis hanya tertumpu pada tesis pelajar sarjana dan phd serta buku di dua jenis universiti awam sahaja iaitu di UKM dan UM sahaja. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan cara mengkaji dan menganalisis dokumen. Kaedah analisis yang digunakan pula ialah analisis diskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa tema popular yang menjadi subjek kajian ialah tema bahasa dan tema sosial. Selain itu, jumlah kajian tafsir jenis mawdu'i didapati semakin meningkat dari setahun ke setahun walaupun bilangannya ada turun naiknya. Keadaan ini sangat baik memandangkan kajian tafsir bentuk mawdu'i ini dapat membantu dalam menangani isu kontemporari.

Kata kunci:

tafsir mawdu'i, perkembangan, tema, Malaysia, 1990-2016

Abstract

Tafsir mawdu'i or thematic interpretation is one of the kind of interpretation in the Qur'anic sciences. This interpretation emerged in the form of discipline later than the writing of the type of tahlili interpretation. This is because the need for the Quranic interpretation is a thematic form of solving current issues occurring in the society. The main purpose of this study is to investigate the development of the literary writing of mawdu'i in Malaysia. Therefore, this study consists of two parts. Firstly, the discussion on the theme of choice in the field of mawdu'i interpretation since its appearance until year 2016 in Malaysia. Secondly, this paper will present the number of mawdu'i interpretation research studies over the past three decades until the present. Analysis focused on the thesis of undergraduate and phd students and books in two types of public universities of UKM and UM respectively. This research is a qualitative-based method, which studies and analyze documents. Whereby the analysis method used is the descriptive analysis. The findings of the study reveals that the popular theme related to this subject of study was the language and social theme. In addition, the number of mawdu'i interpretation studies are increasing studied from year to year despite

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Mazlan Ibrahim, Pusat Kajian Usuludin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor, MALAYSIA.
E-mail: mazib@ukm.edu.my

seasonal fluctuations. This circumstances can be considered as a satisfactory indication as this form of mawdu'i interpretation studies can be beneficial in addressing contemporary issues.

Keywords:

Tafsir mawdu'i, Development, Theme, Malaysia, 1990-2016.

Cite This Article:

Naimah Ruzi & Mazlan Ibrahim. 2020. Perkembangan kajian tafsir mawdu'i di Malaysia (1990-2016). *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(1): 072-090.

Pengenalan

Menelusuri sejarah perkembangan ilmu-ilmu Islam, pembangunan ilmu tafsir al-Quran merupakan salah satu cabang ilmu yang menarik untuk dikaji. Hal ini kerana, tafsir al-Quran adalah jambatan yang menghubungkan kalam Allah dengan umat Islam. Selain itu, ilmu tafsir merupakan elemen penting dalam membentuk kefahaman dan perilaku muslim. Tambahan pula, perkembangan ilmu tafsir al-Quran ini telah mengalami evolusi sejajar dengan keperluan semasa. Maka, ilmu tafsir wajar diketahui oleh segenap masyarakat dan ditekuni oleh sekelompok sarjana agar faedahnya dapat dinikmati bersama.

Dr Abdul Sattar telah membahagikan jenis tafsir menurut kaedah pentafsiran kepada empat jenis. Pertama tafsir tahlili, kedua, tafsir ijmal, ketiga tafsir mawdu'iy dan terakhir sekali adalah tafsir muqarin (t.t). Jenis tafsir yang telah disebut adalah jenis tafsir yang disepakati dan diterima oleh kebanyakan sarjana tafsir. Namun begitu, tafsir jenis mawdu'iy tidak dipersetujui oleh keseluruhan sarjana. Terdapat sebahagian sarjana tidak bersetuju dengan tafsir jenis ini atas sebab-sebab yang tertentu. Manakala sebahagian sarjana begitu bersetuju dengan tafsir jenis ini kerana keistimewaan-keistimewaan konsep tafsir mawdu'iy yang sesuai untuk memenuhi kepentingan semasa. Sungguh tafsir mawdu'iy merupakan tajuk penting untuk dibahaskan kerana kelebihan-kelebihannya yang tersendiri.

Walaupun bagaimanapun, fokus utama bagi makalah ini adalah untuk menilai perkembangan kajian tafsir mawdu'iy di Malaysia. Persoalannya apakah tema pilihan dalam tafsir mawdu'iy ini? Kedua, siapakah sarjana yang menekuni bidang ini? Ketiga, berapakah bilangan kajian yang telah dijalankan sepanjang tiga dekad ini? Oleh itu, pengkaji akan menentengahkan analisis senarai tesis dari dua universiti awam yang terpilih iaitu UKM dan UM. Sepanjang tempoh 19 tahun sejak ia mula berkembang di Malaysia, hanya terdapat 73 kajian tafsir mawdu'iy diperingkat sarjana dan doktor falsafah dan juga artikel di dalam jurnal (Mohd Shukri 2011). Objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengetahui tema pilihan pengkaji dalam bidang tafsir mawdu'iy di Malaysia.
2. Mengetahui sarjana dalam bidang tafsir mawdu'iy.
3. Melihat graf bilangan kajian tafsir tematik dalam tiga dekad ini.

Istilah tafsir mawdu'i sebenarnya telah muncul pada kurun ke empat belas hijrah apabila dijadikan silibus pelajaran bagi Fakulti Usuluddin di Universiti al-Azhar (Mustafa 1989:17).

Hanya selepas 30 tahun ilmu tafsir mawdu'i dipopularkan oleh sarjana Islam secara disiplin ilmu yang khusus, sarjana Malaysia memulakan penulisan ilmu ini dan dikembangkan di tanah air. Ini bermakna ilmu ini mula mengembangkan kuncupnya di sekitar awal tahun 90-an (Mohd Shukri 2011). Oleh itu, pengkaji menolak pandangan Siti Wahidah (2017:32) yang mengatakan bahawa karya tafsir mawdu'i di Malaysia muncul pada tahun 2003.

Di Malaysia, kajian tafsir mawdu'i berasaskan tema mendapat tempat pertama di hati pengkaji dan kedua ialah kajian tafsir mawdu'i berdasarkan tema melalui surah (Mohd Shukri 2011). Walaupun kajian di peringkat doktor falsafah adalah lebih sedikit berbanding peringkat sarjana (Mohd Shukri 2011), kajian tafsir mawdu'i masih relevan di kedua-dua peringkat pengajian ini. Perkara ini bersesuaian dengan jenis-jenis tafsir mawdu'i yang diperkenalkan oleh Abdul Sattar Fathullah Said (n.d:56). Menurutnya terdapat tiga jenis penulisan tafsir mawdu'i. Sama ada berbentuk ringkas, sederhana mahupun terperinci. Oleh itu kajian tafsir mawdu'i ini bersesuaian dengan mana-mana peringkat kajian. Jika masa kajian ringkas dan perlukan jawapan yang ringkas, pengkaji hanya perlu mengikut kaedah yang ringkas. Jika perlukan maklumat yang lebih terperinci maka pengkaji harus melewati kaedah kajian yang kedua ataupun ketiga.

Tema Pilihan dalam Bidang Tafsir Mawdu'i di Malaysia

Mohd Shukri (2011) menyatakan terdapat empat bentuk tafsir mawdu'i yang terdapat di Malaysia. Pertama, kajian ayat-ayat yang mempunyai perasamaan istilah. Kedua, kajian ayat yang berasaskan pada sesuatu tema. Ketiga, kajian ayat pada surah tertentu. Keempat, kajian ayat-ayat dalam al-Quran dan hadis berdasarkan sesuatu tema.

Tema-tema yang menjadi subjek penyelidikan sepanjang tiga dekad ini meliputi bidang yang pelbagai. Pengkaji membahagikan tema tersebut kepada tujuh tema utama yang dominan. Tema tersebut ialah tema bahasa, akidah, ibadah, akhlak, politik, ekonomi dan sosial.

Kajian Tafsir Mawdu'i Bertema Bahasa

Kajian tafsir mawdu'i yang mengkaji kalimah dalam al-Quran dari sudut bahasa adalah salah satu daripada bentuk tafsir mawdu'i (Mustafa 1989:23). Tema bahasa yang dimaksudkan dalam makalah ini ialah bahasa arab yang menjadi bahasa al-Quran. Bahasa arab tercipta daripada penulisan pheonix pada tahun ke 16 sebelum masihi. Kemudian berkembang pesat apabila al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab (Mohd. Zaki 2007:55). Perkembangan ini boleh dilihat melalui kajian tafsir tematik bertema bahasa. Malah tema ini merupakan antara tema yang popular dalam kajian tafsir mawdu'i. Terdapat pelbagai tajuk kajian bertema bahasa arab menjadi pilihan para pengkaji dan perinciannya adalah seperti berikut.

Jadual 1: Kajian tafsir mawdu'i bertema bahasa

Bil.	Tahun	Tajuk	Pengkaji
------	-------	-------	----------

Kajian Dari Sudut Bahasa (1990 – 2000)

1.	1994	Penggunaan 'Man' Di dalam al-Quran	Hasan Ahmad
2.	1996	Kajian Mengenai Uslub al-Manhaj al-Lughawi dalam al-Quran	Norlaily Hj Hassan
3.	1996	Kajian Asalib al-Insha dalam Surah Yusuf dan al-Kahfi	Ismail Muhammad
4.	1997	Kajian Nominatif: satu Kajian Analisis dalam Surah al-Baqarah	Sarifah Hamadiyah Syed Husin
5.	1997	Penggunaan Gaya Bahasa Perumpamaan dalam al-Quran: Satu Analisis	Azhar Muhammad
6.	1998	Perumpamaan (al-Amthal) dalam al-Quran: Satu Kajian Khusus Mengenai Golongan Munafiq.	Muhd Najib Abdul Kadir
7.	1998	Metodologi al-Jadal Menurut Perspektif al-Quran	Mansor Yahya
8.	1998	Uslub al-Tauhid dalam al-Quran: Satu Analisis dalam Surah al-Baqarah	Mohamed Helmi Sofi
9.	1999	Uslub Istifham dalam al-Quran	Mohd Sodri Abdullah
10.	1999	Uslub Istifham dalam al-Quran: Satu Analisis dalam Surah al-Baqarat	Muhammad Farid Wajdi Tajudin
11.	1999	Ketidakterusan Perintah dan Larangan dalam al-Quran: Kajian Terhadap Ayat-Ayat Hukum Surah al-Baqarat.	Ab Rahim Ibrahim
12.	2000	al-Uslub al-Qasasi Fi al-Quran al-Karim (Dirasah Mauduiyah Li Qissah Nabi Allah Musa A.S)	Abdul Mun'im Muhammad Daud

Kajian Dari Sudut Bahasa (2001 – 2010)

13.	2001	Tempat Kembali Damir Ghaib Di dalam al-Quran al-Karim: Satu Kajian Di dalam Surah al-An'am	Muhammad Arsyad Hj Abdul Majid
14.	2001	Analisis Tazkir dan Ta'nith Kata Kerja Untuk Pelaku Mu'annath Yang Sama Di dalam al-Quran	Mohd Nazmi Desa
15.	2001	Penggunaan al-Mathal al-Sarih dalam al-Quran al-Karim dan Sunan al-Tirmidhi Mengenai Manusia	Mohd Sukki Othman
16.	2002	Perumpamaan (al-Amthal) dalam al-Quran: Satu Kajian Khusus Mengenai Golongan Kafir Dengan Ahli Kitab.	Zainal Abidin Mohamad
17.	2002	Uslub al-Tanbih dalam al-Quran: Satu Penelitian dalam Surah al-Baqarah.	Wan Nasyrudin Wan Abdullah
18.	2004	al-Amthal dalam al-Quran: Kajian Terhadap Surah An-Nahl	Zamzam Atirah Md Zain
19.	2004	Uslub al-Jinas dalam al-Quran al-Karim: Khusus Juz 'Ammah.	Anwar Jalaludin
20.	2005	Penggunaan Kata Kerja Madi dan Mudari' dalam al-Quran al-Karim: Satu Analisis Semantik dalam Surah Ali 'Imran	Huzaimah Wasoh

21.	2005	Analisis Gaya Bahasa Doa: Satu Kajian Deskriptif	Sipol Barin Ramli
22.	2006	Anatomi Manusia dalam Uslub Majaz Mursal: Satu Kajian dalam al-Quran	Syazali Effendy A. Wahab
23.	2007	Perkataan Zikir Di dalam al-Quran dan Perbahasannya Dari Sudut al-Balaghah	Shukriah Che Kassim
24.	2007	al-Ayat al-Quraniyah Allati Tata'allaqa Bi al-Jihad Min Nahiyah al-Balaghiyah Wa Syarhiha.	Faysal Mubarak
25.	2008	Penggunaan 'Ma' dan 'Man' al-Mausul dalam al-Quran	Azwir
26.	2008	Gaya Bahasa I'tirad Di dalam al-Quran: Satu Analisis dalam Surah A-Baqarat	Mohd Nazmi Desa
27.	2010	Analisis Gaya Bahasa Pujian dan Celaan dalam al-Quran	Azhari Hamzah
28.	2010	Struktur al-Idafat dalam al-Quran al-Karim: Kajian dalam Surah al-An'am	Nofri Yeni
29.	2010	Wacana Cerita dalam al-Quran: Satu Kajian dalam Surah al-Kahfi	Ahmad Fikri Hj Husin
30.	2010	Gambaran Kiamat dalam al-Quran: Kajian Ilmu al-Ma'ani dan al-Bayan	Abdul Hadi Mohamed Suhaimi
Kajian dari Sudut Bahasa (2011 – 2016)			
31.	2011	al-Jamal al-Qurani al-Baligh Surah al-Mulk	Muftah Muhammad Muhammad al-Bakush
32.	2011	al-Aamthal Bi al-Hayawan dalam al-Quran: Kajian Dari Perspektif I'jaz Bayaniy dan I'jaz 'Ilmiy	Mohd Sukki Othman
33.	2011	Gaya Bahasa Pengulangan dalam al-Quran: Satu Kajian dalam Surah al-Rahman	Zahazan Mohamed
34.	2012	Mazahir Tikrar Qissat Musa A.S Fi al-Quran al-Karim	Marisa Musfiroh
35.	2012	Penggunaan Uslub Khabari dalam al-Quran: Kajian Terhadap Surah Yasin	Wan Rohani Wan Mokhtar
36.	2013	Kategori Haiwan Sebagai Mathal dalam al-Quran	Umi Rahimah Abd Wahab
37.	2013	Uslub Metafora dalam al-Quran: Kajian Terhadap Surah al-Kahfi	Siti Sarah Izham
38.	2013	Konsep Bidadari dalam al-Quran al-Karim: Satu Analisis Balaghah	Abdullah Hamzah
39.	2014	Metode Targhib dan Tarhib Menurut al-Quran: Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Pendidikan Islam Di Shah Alam.	Siti Aziah Md Saaban
40.	2015	Nama-Nama Syaitan dalam al-Quran: Kajian Aspek Bahasa dan Kemukjizatan.	Muhammad Khairul Anuar Zulkepli

41.	2015	Istilah Tumbuh-Tumbuhan dalam al-Quran al-Karim: Kajian Leksikografi dan Analisis Wacana Bahasa Arab	Saipol Barin Ramli
42.	2016	Dilalah Huruf dan Sifat: Kajian Terhadap Perkataan Fara'id dalam al-Quran	Wan Mohd al-Hafiz Wan Mustapa

Keseluruhan kajian tema bahasa ini berjumlah 42 buah kajian. Terdapat dua belas kajian pada dekad pertama, lapan belas kajian pada dekad kedua dan dua belas kajian pada dekad ketiga. Tajuk kajian pula meliputi elemen yang pelbagai di dalam bahasa arab seperti perumpamaan, gaya bahasa, tatabahasa dan struktur perkataan yang digunakan. Sudah tentu kesemua kajian ini memberi impak positif kepada para pengkajinya dan juga pembaca. Selain itu, jumlah kajian yang banyak terhadap al-Quran ini menunjukkan kemukjizatan bahasa al-Quran. Hal ini diakui oleh Rahima Bentricia et al (2018:15) yang telah menjalankan analisis kajian penyambung ayat di dalam al-Quran dengan menggunakan teknologi perisian komputer. Kajiannya menunjukkan walaupun satu perkataan tetapi penggunaannya terdapat pelbagai bentuk dan mempunyai makna tertentu.

Kajian Tafsir Mawdu'i Bertema Akidah

Akidah berasal daripada perkataan bahasa arab. Kamus arab mentakrifkan kalimah akidah sebagai keyakinan dan kepercayaan bukan sebuah amalan (n.d:854). Setiap muslim keyakinannya adalah kepada akidah Islam. Asas akidah Islam terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu ketuhanan, kenabian dan sam'iiyyat. Asas ini berasal daripada rukun iman yang enam (Mustafa 1992). Akidah Islam adalah sebuah akidah yang sederhana daripada dua pemikiran yang ekstrim (Achmad 2018). Kesederhanaan ini dapat diketahui melalui kajian dari al-Quran. Berikut merupakan perincian tajuk kajian tafsir mawdu'i bertema akidah sepanjang kemunculannya di Malaysia.

Jadual 2: Kajian yang bertemakan isu akidah

Bil	Tahun	Tajuk	Pengkaji
Kajian Dari Sudut Akidah (1990-2000)			
1.	1990	Konsep al-Nubuwwah Menurut al-Quran	Wan Zailan Kamarudin Wan Ali
2.	1991	Jin dan Hubungannya Dengan Manusia: Satu Analisis Menurut al-Quran dan As-Sunnah	Ahmad Kilani Mohamed
3.	1995	Konsep Din dalam al-Quran	Aflatun Muchtar
4.	1998	Peringatan al-Quran Tentang Pembalasan Dunia	Ahmad Kamel Muhamed
5.	1998	Konsep Nafs dalam al-Quran: Suatu Kajian Tentang Nafs Dengan Pendekatan Tafsir Maudhu'iy	Achmad Mubarak

6.	1999	al-Fitan Wa al-Mihan Bayna Yaday al-sa'ah Fi al-Daw' Al Kitab Wa As-Sunnah.	'Afaf 'Abd al-Ghafar Hamed
7.	2000	Aspek-Aspek al-Islam Menurut Perspektif al-Quran	Baharudin Husin
Kajian Dari Sudut Akidah (2001-2010)			
8.	2001	Kisah Nabi Nuh A.S dalam al-Quran: Suatu Kajian Tentang Metodologi Pemantapan Akidah Umat Islam	Arpandi Ismail
9.	2006	Konsep Makna Allah dalam al-Quran: Satu Analisis Semantik	Thoriqul Haq
10.	2010	Konsep Rahmat Allah dalam al-Quran: Suatu Analisis Dari Perspektif Pemikiran Islam	Zainal Arifin
Kajian Dari Sudut Akidah (2011-2016)			
11.	2011	Konsep al-Tasfiyah (Pemurnian) dalam Akidah Menurut al-Quran dan al-Sunnah	Sakinah Saptu
12.	2014	Tafsir Tematik Terhadap al-Mawt dalam al-Quran	Fatimah Zaharah Ismail
13.	2016	Perkaitan Makna Jerubu dan Azab dalam al-Quran	Afrizal Nur Et Al
14.	2016	Kajian Perbandingan Konsep Kemaksuman Nabi dan Rasul dalam al-Quran dan Bible	Nurul Atiqah Razali

Pada dekad pertama terdapat tujuh kajian. Pada dekad kedua terdapat tiga kajian iaitu tentang metodologi memantapkan akidah, makna Allah dan rahmat Allah. Pada dekad ketiga terdiri daripada empat kajian. Keseluruhan kajian sepanjang tiga dekad ini bagi tema akidah ialah sebanyak empat belas kajian.

Kajian Tafsir Mawdu'i Bertema Ibadah

Perkataan ibadah berasal daripada perkataan arab yang bermaksud semua amalan manusia mukallaf yang diniatkan untuk mendekatkan diri kepada Allah (n.d:815). Kamus dewan bahasa pula mentakrifkan ibadah kepada bakti (khidmat) kepada Tuhan. Ibadah terbahagi kepada khusus dan umum. Ibadah khusus adalah ibadah yang diperintahkan dalam rukun Islam seperti solat, puasa, zakat dan haji. Semua amalan yang dilaksanakan kerana Allah dan berlandaskan syariat Islam adalah ibadah (Fathi Yakan 2017). Dua perkara itu merupakan syarat penerimaan ibadah atau boleh juga disebut sebagai amal soleh. Pengkaji merangkumkan tajuk yang berkaitan ibadah khusus dan tuntutan dakwah di dalam tema ibadah. Sebaliknya ibadah umum lain akan dimasukkan ke dalam tema sosial.

Jadual 3: Kajian bertemakan ibadah

Bil	Tahun	Tajuk	Pengkaji
Kajian Dari Sudut Ibadah (1990-2000)			
1.	1997	Manhaj al-Quran al-Karim Fi al-Dakwah Ila Allah Wa Islahi al-Fardi Wa al-Mujtama' Fi Dhou' Surah Yunus	Hasan Abdul Ghina Hasan

Kajian Dari Sudut Ibadah (2001-2010)			
2.	2001	Manhaj al-Quran al-Karim Fi At-Taisir Wa Raf'u al-Haraj Fi al-'Ibadati Dirasah Maudu'iyah Li Ba'dhi Ayati Fi Surah al-Baqarah Wa Surah An-Nisa' 'Ala Ma Ja-a Fi Tafsir al-Qurtubi Wa Tafsir al-Maraghi	Tal Hasan
3.	2002	Psikologi Dakwah: Satu Analisis Terhadap Ayat-Ayat al-Quran Menerusi Dakwah Nabi Ibrahim A.S	Saniyah Abdullah
4.	2003	Pendekatan Dakwah Surah al-Tawbah Terhadap Golongan Munafik	Muhammad Lukman Ibrahim
5.	2003	Manhaj al-Jadal dalam Dakwah Nabi Ibrahim A.S: Kajian al-Quran	Wan Akashah Wan Abdul Hamid
6.	2004	Konsep Amar Makruf Nahi Mungkar Menurut al-Quran: Kajian Perlaksanaanya Di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK)	Ramzan Hj Hassan Zaini
7.	2005	Konsep Islah Menurut al-Quran: Suatu Kajian Terhadap Perlaksanaanya dalam Pertubuhan Jemaah Islah Malaysia (JIM)	Ahmad Puaad Abd Rahman
8.	2006	Doa Menurut al-Quran: Suatu Kajian Mengenai Kefahaman dan Penghayatannya Di Kalangan Masyarakat Di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur	Mohfd Arifham Abdul Rahman
9.	2008	Hubungkait Antara Solat dan Zakat dalam Ayat-Ayat al-Quran: Kajian Daripada Perspektif I'jaz al-Quran	Muhammad Ulin Nuha
10.	2008	Konsep Syahid dalam al-Quran Menurut Psiko Spiritual Islam.	Satiful Bahari Mamat
11.	2010	Peranan Wanita dalam Dakwah Mengikut Perspektif al-Quran: Kajian Surah Ali 'Imran	Nor Hanani Mohd Noor
Kajian Dari Sudut Ibadah (2011-2016)			
12.	2011	Pendekatan Psikologi Dakwah dalam al-Quran: Kajian Terhadap Dakwah Nabi Musa A.S dan Nabi Ibrahim A.S	Ahmad Jafri Bahar
13.	2016	Konsep Penerapan Amar Makruf Nahi Mungkar Menurut al-Quran: Kajian Pelaksanaan Oleh Front Pembela Islam (FPI) Di Banda Aceh, Indonesia.	M. Riza Muarraf
14.	2016	Amalan Nazar Masyarakat Aceh Besar, Indonesia: Kajian Perbandingan Dengan Nazar Ibu Maryam dalam al-Quran	Musfirah

Tajuk kajian banyak seputar tema dakwah di dalam kajian skop ibadah ini. Sekitar tujuh tajuk yang mengembangkan istilah dakwah ini kepada kajian yang lebih luas. Sepanjang tiga dekad kajian, didapati hanya satu kajian tema ini pada dekad pertama, sepuluh kajian pada dekad kedua. Seterusnya pada dekad ketiga, terdapat tiga kajian yang menyentuh isu dakwah dan amar makruf nahi mungkar serta tentang nazar.

Kajian Tafsir Mawdu'i Bertema Akhlak

Akhlak berasal daripada kalimat arab yang bermaksud budi pekerti, kelakuan dan tabiat (Kamus Dewan Edisi Keempat). Maka, semua perbincangan yang berkaitan dengan tingkah laku manusia akan di masukkan di bawa subtopik ini.

Jadual 4: Kajian tafsir mawdu'i bertemakan akhlak

Bil	Tahun	Tajuk	Pengkaji
Kajian Dari Sudut Akhlak (1990-2000)			
1.	1996	Konsep Jihad dalam al-Quran	Mustaffa Abdullah
2.	1999	An Analysis Of The Major Personality Types In The Quran	Ahmad M. Raba
3.	1999	Konsep Masa dalam al-Quran: Satu Kajian dalam Juzuk 'Ammah	Reha Mustafa
4.	2000	Manhaj al-Quran Bagi Menghindari Berlakunya Penyakit Sosial	Norlida Yusof
5.	2000	Konsep al-Ibtala' dan Cara Menghadapinya Menurut al-Quran dan As-Sunnah	Faisal Ahmad Shah
Kajian Dari Sudut Akhlak (2001-2010)			
6.	2002	Sikap Fir'awn dan Bani Israil Terhadap Nabi Allah Musa A.S (Kajian al-Quran)	Wan Termizi Wan Mohamad
7.	2003	Pembangunan Akhlak Remaja Menurut al-Quran: Kajian Tentang Pendekatannya Terhadap Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah-Sekolah Menengah Di Ampang, Selangor Darul Ehsan.	Fathiyah Mohd Fakhrudin
8.	2004	Konsep Pembaziran dalam Surah al-Isra' Ayat 26 dan 27: Tumpuan Khusus Kepada Wanita dan Rumahtangga	Najmiah Omar
9.	2005	Surah al-Nur: Kajian Pendekatan al-Quran dalam Mengatasi Gejala Sumbang Mahram	Arifah Ayub
10.	2005	Dimensi Rohani dan Pengaruhnya Terhadap Perilaku Manusia Menurut Ibn Sina dan al-Ghazali: Satu Kajian Analisis Menurut Perspektif al-Quran	Kadar Muhammad Yusuf
11.	2006	Penghayatan Terhadap Bentuk-Bentuk Ujian dalam Kehidupan Manusia Menurut al-Quran	Najihah Abd Rahman
12.	2006	al-Tabarruj Menurut al-Quran dan al-Sunnah: Suatu Kajian Mengenai Kefahamannya Di Kalangan Guru-Guru Wanita Di Kota Bharu, Kelantan	Salihah Abdullah
13.	2006	Jihad dalam al-Quran Menurut Nahdatul Ulama (NU) dan Muhammadiyah: Satu Kajian Perbandingan.	Masruhan Kyai Choteb

14.	2007	Pandangan Islam Terhadap Keganasan: Analisis Konsep Jihad dalam al-Quran dan al-Sunnah Serta Gerakan Islam	Fikri Mahmud
15.	2008	Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar Menurut Perspektif al-Quran	Mikdar Rusdi
16.	2008	al-Kufr Bi al-Ni'mat Menurut al-Quran: Kajian Terhadap Pemahaman Masyarakat Islam Di Lembah Pantai, Kuala Lumpur.	Nurjannah
17.	2010	Konsep al-Khizy dan Cara Menghadapinya Menurut al-Quran dan As-Sunnah	Mohd Sholeh Sheh Yusuff
Kajian Dari Sudut Akhlak (2011-2016)			
18.	2014	Garis Panduan Pendakwah Wanita Menurut al-Quran dan Aplikasinya dalam Program Televisyen	Shafiza Safie
19.	2015	al-Ihsan dan Perkataan Berhampiran Makna Dengannya dalam al-Quran al-Karim: Satu Kajian Leksilogi.	Mohd Sabra Mohd Asri

Akhlak adalah perilaku dan untuk melahirkan akhlak mulia, pendidikan karakter perlu diberikan kepada manusia (Sabar 2010). al-Quran mempunyai banyak formula dalam membentuk perilaku yang baik. Pada dekad pertama terdapat lima kajian, dekad kedua dua belas kajian dan dekad ketiga sebanyak dua kajian. Tajuk yang mendapat tempat di hati pengkaji ialah seputar tema jihad iaitu sebanyak empat bilangan sepanjang tiga dekad ini. Manakala, dua kajian berkaitan cara hadapi ujian.

Kajian Tafsir Mawdu'i Bertema Politik

Perkataan politik merujuk kepada ilmu serta segala sesuatu berkenaan pemerintahan sesebuah negara atau hubungannya dengan negara lain (Kamus dewan edisi keempat). Tambah Haw Lim Seng (2009) politik merupakan penggubalan polisi untuk kesejahteraan rakyat serta kaedah pemerintah untuk memenangi hati rakyat. Berikut merupakan tema-tema politik yang terdapat di dalam kajian tafsir mawdu'i.

Jadual 5: Kajian tafsir mawdu'i bertema politik

Bil	Tahun	Tajuk	Pengkaji
Kajian Dari Sudut Politik (1990-2000)			
1.	1993	Prinsip-Prinsip Pemerintahan dalam Piagam Madinah Ditinjau Dari Pandangan al-Quran	J. Suyuthi Pulungan
2.	1999	al-Tasawur al-Qurani Li 'Alaqa al-Ummah Bi al-Sultah: Dirasah Maydaniyah Li al-Urdun	Redwan Jamal
Kajian Dari Sudut Politik (2001-2010)			
3.	2002	al-Khilafah al-Islamiyah Menurut al-Quran: Satu Kajian Terhadap Kefahaman Masyarakat Islam Di Kuala Lumpur	Abu Zaki Ismail

4.	2003	Konsep Awliya' Di dalam al-Quran dan Kepimpinan Bukan Islam	Rohayati Nordin
5.	2006	Status Wanita dalam Peradaban Islam: Satu Analisis Dari Perspektif Hak-Hak Politik Menurut al-Quran dan al-Sunnah	Ismail Noor
6.	2007	Konsep al-Qiwamah dalam al-Quran: Kajian Terhadap Surah al-Nisa'	Tri Handayani
7.	2009	Perdamaian Menurut Perspektif Quran: Analisis Tentang Hubungannya Dengan Piagam Madinah	Aunur Rafiq
Kajian Dari Sudut Politik (2011 – 2016)			
8.	2011	Penyertaan dalam Kerajaan : Satu Kajian Tafsir Mawdu'iy Berasaskan Surah Yusuf	Zulkarnain Anwar Harahap

Kajian politik yang dimaksudkan ialah yang berkaitan dengan pentadbiran. Terdapat dua kajian pada dekad pertama, empat kajian pada dekad kedua dan satu kajian pada dekad terakhir. Keseluruhan kajian bertema politik berjumlah lapan buah.

Kajian Tafsir Mawdu'i Bertema Ekonomi

Menurut kamus pelajar edisi kedua, ekonomi membawa maksud ilmu tentang asas-asas pengeluaran, pembahagian, penggunaan barang-barang dan perkhidmatan serta masalah-masalah kewangan yang bersangkutan dengannya. Walaubagaimanapun, Basri (2004) lebih bersetuju untuk mengguna pakai istilah iqtisad bagi pengertian ekonomi menurut Islam kerana ia membawa nilai dan makna yang berbeza. Namun, kajian ini hanya berfokus untuk mengumpulkan kajian tematik daripada al-Quran yang berkaitan dengan isu ekonomi tanpa menyentuh tentang istilahnya. Kajian ekonomi berasaskan al-Quran ini penting sehingga pihak Vatikan turut mencadangkan ekonomi Islam sebagai penyelesaian masalah yang wujud (Ismail 2015). Maka antara sumbernya mestilah berpunca daripada kitabullah. Oleh itu, tema-tema ekonomi yang terdapat di dalam kajian tafsir mawdui adalah seperti berikut.

Jadual 6: Kajian tafsir mawdu'iy bertema ekonomi

Bil	Tahun	Tajuk	Pengkaji
Kajian Dari Sudut Ekonomi (1990-2000)			
1.	1997	Konsep Mal dalam al-Quran	Yahaya Jusoh
Kajian Dari Sudut Ekonomi (2011-2016)			
2.	2013	Pembinaan Semula Teori Ekonomi Islam Berasaskan al-Quran dan al-Sunnah	Bayu Taufiq Possumah
3.	2015	Harta Menurut Perspektif al-Quran	Najib Abdul Kadir dan Mazlan Ibrahim

4.	2016	Kisah Anbiya' dalam al-Quran: Kajian Perspektif Pembangunan Modal Insan Berasaskan Keusahawanan.	Mohd Nasir Ripin
----	------	--	------------------

Berdasarkan jadual 6, isu ekonomi adalah tema yang paling sedikit yang dikaji daripada al-Quran. Pada dekad pertama kajian hanya ada sebuah kajian yang bertajuk al-Mal dan kajian tersebut muncul diakhir dekad iaitu pada tahun 1997. Pada dekad kedua, pengkaji mendapati, tiada kajian tema ini dilakukan sepanjang 10 tahun ini. Seterusnya pada dekad terakhir terdapat 3 tesis sahaja pada tema ini. Hal ini menunjukkan bidang ini masih dilihat mustahil untuk diambil rujukannya daripada alquran.

Hakikatnya kaedah tafsir tematik ini dipersetujui oleh ramai sarjana sebagai salah satu penyelesaian masalah ummat secara tuntas dan segera (Abd Sattar n.d., Hujair 2008, Andi 2017). al-Quran mengajar manusia tentang matlamat pembangunan ekonomi adalah menggapai keredhaan Allah (Solahuddin et.al. 2016: 284). Menurut Buerah Tunggak et.al. (20: 141) usahawan bumiputera perlu mendapatkan program keusahawanan berteraskan nilai islam untuk berjaya dalam persaingan perniagaan. Oleh itu, teras islam tersebut perlu diambil daripada kitabullah melalui tafsiran yang menyeluruh.

Kajian Tafsir Mawdu'i Bertema Sosial

Segala hal yang berkaitan kemasyarakatan adalah disebut sosial. Isu sosial amat luas kerana merangkumi segenap hal kehidupan manusia sehari-hari. Antara perkara yang bersangkutan dengan perkara harian manusia adalah berkenaan kebajikan, pendidikan, kesihatan, pembangunan serta masalah yang berlaku di dalam sesuatu masyarakat. Pelbagai kaedah dikaji bagi menyelesaikan masalah sosial antaranya perlu memikirkan kesan kepada masalah sebelum melakukan sesuatu. Menggunakan formula daripada al-Quran merupakan ubat mujarab bagi mengatasi masalah sosial seperti kajian kes yang dilakukan oleh Sahlawati et. al. (2017).

Jadual 7: Kajian tafsir mawdu'i bertemakan isu sosial

Bil	Tahun	Tajuk	Pengkaji
Kajian Dari Sudut Sosial (1990-2000)			
1.	1990	Konsep Manusia Sebagai Pembentuk Kebudayaan dalam al-Quran	Musa Asy'arie
2.	1993	Falsafah Alam Tabi'i dalam Islam: Satu Analisis Tentang Sains Menurut al-Quran	Zulekha Yusoff
3.	1994	Budaya Ilmu: Pespektif al-Quran dan Pendidikan Malaysia	Marzukai Ibrahim
4.	1996	Pendidikan Keluarga Menurut Perspektif al-Quran	Rukiah Mohamad
5.	1996	Pendidikan Remaja Menurut al-Quran dan As-Sunnah	Dzulkefli Mamat
6.	1997	Manhaj al-Quran Fi Bina' al-Ummah (Dirasah Mawdu'iyah Fi Surah An-Nisa')	Nurullah Kurt
7.	1997	Wawasan Alquran Tentang Ahli Kitab	Galib M. M.

8.	1997	Kemiskinan dalam Perspektif al-Quran	M. Saad Ih
9.	1997	Konsepsi Ulama' Menurut al-Quran	H. Mochtar Husein
10.	1998	Konsep Pendidikan dalam al-Quran	Armen Mukhtar
11.	1999	Perspektif Gender dalam al-Quran	Nasaruddin Umar
12.	2000	Konsep Kemajuan Menurut al-Quran dan Realiti Kehidupan Masa Kini.	Syarbaini Tanjung
Kajian Dari Sudut Sosial (2001 - 2010)			
13.	2001	Konsep Pengembangan Akal Menurut al-Quran	Hamadi Bin Husain
14.	2001	Prinsip-Prinsip Perpaduan Kaum Di Malaysia: Satu Kajian Menerusi Piagam Madinah dan al-Quran Serta al-Sunnah	Ibrahim Haji Che Noh
15.	2003	Pengurusan Kebajikan Anak Yatim Di Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (PEYATIM): Kajian Menurut Perspektif al-Quran	Hanida Abdull Samat
16.	2003	Gaya Hidup Sihat: Suatu Kajian Mengenai Pemakanan Menurut al-Quran dan Sains	Monika Abd Razak
17.	2003	Konotasi Angka-Angka dalam al-Quran Suatu Kajian Tafsir Maudui.	Mikdar Rusdi
18.	2003	Prinsip-Prinsip Komunikasi dalam al-Quran: Tumpuan Terhadap Surah al-Hujurat	Asep Dandan Wildan
19.	2004	Pekak dan Bisu Menurut al-Quran	Hamdi Ishak
20.	2004	Ayat-Ayat Kemasyarakatan dalam Surah al-Nisa': Tumpuan Kepada Pembinaan Keluarga Islam	Jazilah Mansor
21.	2004	Keindahan Seni dalam Kisah-Kisah al-Quran: Kajian Terhadap Kisah Nabi Hud A.S	Ridwan Madeng
22.	2004	Angka Tujuh dalam al-Quran	Zahidan Abd Wahab
23.	2005	Konsep Pendidikan Menurut al-Quran Dengan Menumpukan dalam Surah Yusuf	Mohamed Ayob
24.	2005	Pendidikan Islam Menurut Perspektif al-Quran: Kajian Terhadap Surah al-'Alaq Ayat 1-5	R. Muhammad Zaini
25.	2005	Pengajaran Daripada Kisah Qarun Di dalam Surah al-Qasas	Nor Asiah Mohamed
26.	2006	Penggunaan Perkataan al-Insan dalam al-Quran: Kajian Dari Sudut I'Jazul Quran.	Deddy Ilyas
27.	2006	Kisah Nabi Musa dan Firaun Di dalam al-Quran: Aplikasinya Di dalam Pendidikan Islam.	Nabiroh Kassim
28.	2006	Hamba Abdi Menurut al-Quran: Kajian Tafsir Maudu'i	Abd. Wahid
29.	2006	Isu-Isu Kewanitaan dalam Surah al-Nisa': Kajian Terhadap Kitab al-Jami' Li Ahkam al-Quran Oleh al-Qurthubi	Hajarul Bahti Zakaria
30.	2008	Prinsip Toleransi Beragama dalam al-Quran: Kajian Terhadap Surah al-Mumtahinah	Usman Muhid

31.	2008	Serangga dalam al-Quran dan al-Sunnah: Tumpuan Kepada Lebah dan Semut (Kajian Tafsir Mawdui)	Syukraini Ahmad
32.	2008	Analisis Prinsip dan Model Komunikasi Berdasarkan Ayat-Ayat al-Quran	Saifulazry Mokhtar
33.	2009	al-Insan Wa 'Alaqatuh Bi al-Kaun Fi al-Quran Dirasah Tahliliyah Tafsiriyah	Omar Habis Ahmad Nawafleh
34.	2009	Pembangunan Modal Insan Aset Pembentukan Tamadun Menurut al-Quran dan al-Sunnah	Atikah Muhd Rivaibatubara
35.	2009	Sains Kesihatan Menurut al-Quran dan al-Sunnah: Suatu Kajian	Monika@Munirah Abd Razzak
36.	2010	al-Falah Fi al-Quran : Dirasah al-Mawdu'iyah	Ibrahim Muhammad
37.	2010	Hiwat al-Muhadarah Min al-Manzur al-Qura'ani: Dirasah Mawdu'iyah	Ashraf M.Zedan
38.	2010	Pendidikan Awal Kanak-Kanak Menurut al-Quran: Pelaksanaan Di Pusat Pendidikan Pra Sekolah Di Bandar Thiang, Pahang	Hanifah Sazali
Kajian Dari Sudut Sosial (2011-2016)			
39.	2011	al-Nafar dalam al-Quran Pendekatan Tafsir al-Mawdu'i	Abur Hamdi Usman
40.	2011	Pernikahan Antara Agama dalam al-Quran: Kajian Perbandingan Antara Tafsir al-Azhar dan Tafsir al-Misbah	Syamruddin Nasution
41.	2011	Konsep al-'Adl Menurut al-Quran: Kajian al-'Adl dalam Amalan Poligami Kelab Poligami Ikhwan	Abdul Rashid Zainal
42.	2013	Emotional Intelligence In The Holy Quran: A Thematic Study	Yusro Ibrahim Elrufae
43.	2014	Pengurusan Bencana Gempa Bumi Menurut Perspektif al-Quran dan Sains Moden	Noor Fazilah Mohd Basiron
44.	2014	Wacana Komunikasi dalam al-Quran: Satu Analisis Terhadap Dialog Dua Hala.	Mohd Abdul Nasir Abd Latif
45.	2014	Konsep al-Din dalam Surah al-Kahfi: Pendekatannya dalam Menangani Remaja Bermasalah	Nur Hanisah Mohd Nor Afandi
46.	2015	Elemen Pemikiran Kritis Menurut Perspektif al-Quran Kajian Surah al-Rum	Zainorah Kadri
47.	2015	Pengurusan Stres Menurut al-Quran dan al-Sunnah dalam Kalangan Ibu Tunggal Di Bandar Baru Bangi	Farhana Haji Ahmad
48.	2016	Kajian Perbandingan Pentafsiran Tentang Planet dalam al-Quran dan Astronomi Moden.	Khairussaadah Wahid
49.	2016	Elemen Saintifik dalam al-Quran: Analisis Terhadap Tafsir al-Sha'rawi Karangan Muhammad Mutawalli al-Sha'rawi	Selamat Amir

50.	2016	Kedudukan Wanita Menurut al-Quran: Kajian Terhadap Bias Gender Di Banda Aceh	Tabsyirah
-----	------	--	-----------


Jadual 7 menunjukkan senarai tajuk kajian tafsir mawdu'i yang bertemakan isu sosial. Terdapat dua belas kajian pada dekad pertama kajian tafsir mawdu'i. Manakala pada dekad seterusnya kajian meningkat berjumlah dua puluh enam. dan pada dekad yang terakhir berjumlah dua belas kajian. Tema yang paling banyak adalah seputar isu ilmu dan pendidikan. Sejak dekad pertama ada lima buah kajian tentang pendidikan antaranya pendidikan dan budaya ilmu, pendidikan keluarga, pendidikan remaja, ulamak dan pendidikan secara umum. Pada dekad kedua pula, terdapat kajian bertajuk konsep pengembangan akal, konsep pendidikan, pendidikan, aplikasi pendidikan daripada kisah Musa dan Firaun serta pendidikan awal kanak-kanak serta isu ilmu bertajuk serangga. Dekad seterusnya pula membincangkan tentang kebijaksanaan emosi, pemikiran kritis, planet dan elemen saintifik.

Secara keseluruhannya, terdapat satu ratus lima puluh empat kajian tafsir mawdu'i sepanjang 1990 sehingga 2016. Kajian ini meliputi pelbagai bidang kehidupan manusia selari dengan fungsi al-Quran sebagai sumber ilmu (Zetty et. al. 2016).

Graf Perkembangan Tafsir Mawdu'i dalam Tiga Dekad


Berikut adalah graf perkembangan penulisan kajian tafsir mawdu'i sepanjang tiga dekad.

Graf 1: Graf perkembangan kajian tafsir mawdu'i sepanjang 10 tahun pertama




Berdasarkan graf 1, bilangan kajian tafsir mawdu'i adalah sedikit pada awal kemunculannya di Malaysia. Kajian maksimumnya berjumlah dua kajian selama enam tahun pertama iaitu pada tahun 1990 sehingga 1995. Kemudian, pada tahun berikutnya bilangan kajian bertambah kepada lima dan mencapai kemuncaknya berjumlah 10 kajian pada tahun 1997. Tiga tahun terakhir, bilangan kajian turun naik namun berada pada tahap yang sederhana tinggi. Pengkaji meneruskan kajian untuk melihat perkembangan kajian tafsir mawdu'i pada dekad kedua. Graf perkembangannya adalah seperti berikut.

Graf 2: Graf perkembangan kajian tafsir mawdu'i sepanjang 10 tahun kedua



Pada dekad kedua, kajian tafsir mawdu'i dilihat semakin baik walaupun ada turun naiknya. Bermula akhir dekad yang pertama sehingga awal dekad kedua ini, kajian tidak pernah berkurang bilangannya daripada empat buah kajian. Bermula dengan enam buah kajian pada 2001 dan menurun sedikit kepada lima kajian pada 2002. Menariknya, graf menaik kepada lapan buah kajian selama tiga tahun berturut-turut dan mencapai kemuncak sebanyak sebelas buah kajian pada tahun 2006. Kemudian, bilangan kajian turun secara mendadak kepada lima buah dan turun naik semula sehingga akhir dekad. Perkembangan berakhir dengan sepuluh buah kajian pada tahun 2010 pada dekad kedua. Untuk dekad terakhir, grafnya seperti di bawah.

Graf 3: Graf perkembangan kajian tafsir mawdu'i sepanjang dekad terakhir



Pada enam tahun kebelakangan ini iaitu daripada 2011 sehingga 2016. Bilangan kajian sama pada awal dekad dan akhir dekad yang dikaji iaitu kedua-duanya sebanyak 9 kajian.

Bilangan ini merupakan bilangan tertinggi bagi dekad ini iaitu pada 2011 dan 2016. Pada tahun 2012 pula, kajian menurun ke titik terendah iaitu sebanyak dua kajian sahaja sama seperti awal dekad pertama iaitu pada tahun 1990, 1993 dan 1994. Selepas itu bilangan kajian menaik secara berperingkat sehinggalah tahun 2016. Bacaannya adalah 2013 sebanyak lima kajian, 2014 dan 2015 sebanyak enam kajian.

Secara keseluruhannya, sepanjang tiga dekad ini, bilangan kajian tafsir mawdu'i yang tertinggi mengikut tahun ialah sebanyak sebelas kajian iaitu pada tahun 2006. Manakala bilangan terendah ialah kosong iaitu tiada kajian pada tahun 1992. Kemudian kajian ini mengalami kejatuhan mendadak sebanyak tiga fasa. Kemerosotan bilangan kajian fasa pertama berlaku pada 2006 ke 2007 iaitu beza sebanyak enam kajian. Fasa kedua, daripada 2008 ke 2009 iaitu beza sebanyak lima kajian. Fasa ketiga, adalah pada tahun 2011 ke 2012 iaitu beza sebanyak tujuh kajian. Fasa ketiga ini adalah fasa kemerosotan perkembangan kajian tafsir mawdu'iy yang paling drastik sepanjang tiga dekad ini.

Kesimpulan

Bilangan keseluruhan bagi tiga dekad kajian bermula 1990 hingga 2016 adalah sebanyak seratus lima puluh empat kajian tafsir mawdu'i di Malaysia. Perkembangan penulisan kajian tafsir mawdu'i ini penting untuk disoroti dan dianalisis agar para sarjana sedar apakah kajian jenis ini semakin rancak atau semakin menghilang. Jika perkembangan kajian ini semakin bertambah dari semasa ke semasa, ia menunjukkan para sarjana berusaha menjadikan al-Quran ini sumber tindakan bagi kehidupan. Bukan bermakna kajian berbentuk tafsir mawdu'i sahaja yang penting di dalam rujukan kehidupan bahkan pengkaji merasakan keperluan untuk mengkaji al-Quran dari semua bentuk tafsiran yang disepakati ulama itu sama pentingnya sehingga dapat memenuhi keperluan masyarakat semasa. Bahkan usaha ini penting untuk menutup lubang-lubang keraguan yang dibawakan oleh golongan musuh Islam. Maka orang-orang muslim dilihat telah melengkapkan persediaan untuk menjawab persoalan mereka dari semua sudut terhadap sumber utamanya. Manakala bidang hadis yang menjadi sumber kedua juga harus melakukan langkah yang sama. Rujukan terhadap al-Quran dan hadis ini perlu seiring agar kita dapat memahami konteks sebenar dalam memahami sesuatu isu. Menolak salah satu daripada kedua sumber ini sudah pasti akan membawa kecelaruan dan kecelakaan dalam kehidupan individu dan masyarakat.

Rujukan

- Abdul Sattar, F. S. n.d. *al-madkhal ila at-tafsir al-Mawdui*. n.l
- Achmad, Y. 2018. Moderasi Islam dalam Dimensi Trilogi Islam (Akidah , Syariah dan Tasawuf). *Jurnal Murabbi* 3(2): 203-216.
- al-Mu'jam al-'arabi al-Asasi.t.t Larus.
- Andi R. 2017. Menggagas Epistemologi Tafsir al-Quran yang Holistik. *Jurnal Ilmiah Agama dan Sosial Budaya* 2(1): 95-112.
- Basri A.G. 2004. Pengertian Ekonomi dan Iqtisad dalam Pendisiplinan dan Skop Ekonomi Islam. *Jurnal Intelek* 2(1): 69-72.

- Buerah, T., Hussin, S., Baharin, A. 2011. Keperluan Latihan dan Pendidikan Berterusan ke Arah Pembangunan Usahawan Muslim Berteraskan Nilai Islam di Malaysia. *Jurnal Teknologi* 55(1): 121–144.
- Fathi Yakan, 2017. *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Haw Lim Seng, 2009. Perkembangan Ideologi Politik dan Masyarakat Melayu di Tanah Melayu. *Malaysia dari Segi Sejarah (Malaysia in History)* 37:71-108.
- <http://koleksiislamptsl.blogspot.my/search/label/Senarai%20Tesis%20Fakulti%20Pengajian%20Islam?m=1>
- <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=ibadah>
- Hujair, A. H. S. 2008. Metode Tafsir [Perkembangan Metode Tafsir Mengikuti Warna atau Corak Mufassirin]. *al-Mawarid* 18: 263-284.
- Ismail, O. 2015. An Islamic Suggestion of Solution to the Financial Crises. *Procedia Economics and Finance* 38: 174-184.
- Mohd Shukri, H. 2011. Pola Kajian tafsir mawdu'iy di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 4: 137-158.
- Mohd Zaki, A.R. 2007. Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan Tulisan Arab. *Journal of Tamaddun* 2: 55-65.
- Mustafa, A. R. 1992. *Hadith Empat Puluh Terjemahan dan Syarahnya*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Mustafa, M. 1989. *Mabahith fi at-Tafsir al-Mawdui*. Damsyiq: Darul Qalam.
- Rahima, B., Samir, Z., Farhi, M. 2018. An Analytical Study On The Holy Quran Based on The Order of Words in Arab AND Conjunction. *Malaysian Journal of Computer Science* 31(1): 1-16.
- Sabar, B. R. 2010. Pendidikan Karakter Sebagai Upaya Menciptakan Akhlak Mulia. *Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan* 16(3): 229-238.
- Sahlawati, A. B., Nurzatil Ismah, A., Nazneen, I., Zanariah, D. 2017. Kaedah al-Quran dalam Menangani Masalah Sosial: Kajian di Pusat Perlindungan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). *Jurnal Pengajian Islam* 10(1): 57-77.
- Siti Wahidah, M., Muhd Najib, A. K. 2017. Corak Penulisan tafsir di Malaysia Abad ke-21. *Jurnal al-Turath* 2(1): 27-36.
- Solahuddin, A. H., Che Zarrina, S., Mohd Akram, D. 2016. Keutamaan Akhlak dalam Pembangunan Keusahawanan Islam. *Jurnal Syariah* 24(2): 271-286.
- Surtahman, K. H., Sanep, A. 2016. *Ekonomi Islam Dasar dan Amalan*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zetty Nurzuliana, R., Ab. Halim, T., Mohd Izzudin, P., Mohd Faez, I., Siti Suhaila, I. 2016. Peranan al-Quran Sebagai Sumber ilmu Pengetahuan dan Hubungannya dengan Sains. *Proceeding of 5th International Conference on Islamic Education (ICIEd 2016)*. Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak: Persatuan Intelektual Muslim Malaysia.